



**PENDIDIKAN JUVANA DI JABATAN PENJARA MALAYSIA:
DASAR, HALA TUJU, PELAKSANAAN DAN CABARAN**
(Juvenil Educations in Jabatan Penjara Malaysia:
Policy, Direction, Implimentation and Challanges)

^{1,2}DARUSSALAM BUDIN

¹Institut Islam Hadhari, Universiti Kebangsaan Malaysia, Bangi, Selangor, Malaysia

²Bahagian Pengurusan Banduan, Jabatan Penjara Malaysia

ABSTRAK

Jabatan Penjara Malaysia merupakan sebahagian daripada Sistem Keadilan Jenayah di Malaysia. Misi jabatan antaranya ialah menyediakan program pemulihan berkesan. Pemulihan untuk juvana ialah pendidikan melalui sistem persekolahan. Terdapat dua jenis sekolah iaitu Sekolah Integriti dan Sekolah Henry Gurney. Sekolah di institusi penjara telah diwujudkan namun ianya kurang diketahui umum. Bahkan ada di kalangan pegawai dari agensi yang melaksanakan Sistem Keadilan Jenayah dan Sistem Persekolahan kurang mengenalinya. Perkara ini mungkin disebabkan oleh beberapa perkara yang sukar dielakkan. Sekolah ini berada dalam kawasan larangan. Kebanyakan sekolah berada dalam kawasan penjara dan sukar untuk dilawati. Aktiviti sekolah selalunya diadakan lebih bersifat dalaman. Sekolah menempatkan 'murid pendidikan khas' yang dikelilingi oleh tembok yang tinggi atau pagar berduri. Perkara ini perlulah diatasi supaya peradaban sekolah mendapat perhatian. Mahkamah menjatuhkan hukuman kepada juvana ke institusi penjara yang mempunyai sekolah. Kementerian Pelajaran Malaysia menghantar Pegawai Pendidikan secukupnya pada setiap masa. Pegawai Pendidikan yang di bekalkan mengetahui dengan jelas fungsi sekolah ini. Ibu bapa berasa yakin anak mereka mendapat peluang untuk bersekolah dengan baik. Oleh itu, tujuan kertas ini ditulis adalah untuk berkongsi maklumat mengenai peradaban persekolahan di penjara. Kertas ini akan menjelaskan sejarah penubuhan sekolah, dasar, objektif dan hala tuju. Ianya juga menjelaskan cabaran dihadapi yang berbeza dengan sekolah harian biasa. Penulisan kertas ini dihasilkan berdasarkan kertas dasar berkaitan pendidikan dan data yang diperolehi daripada Sistem Maklumat Pengurusan Pesalah. Pandangan dan pendapat dari Pegawai Pendidikan yang bertugas di sekolah. Penulisan ini juga hasil pemerhatian dan penelitian penulis sebagai salah seorang

Corresponding author: Darussalam Budin, Institut Islam Hadhari, Universiti Kebangsaan Malaysia, 43600 UKM Bangi, Selangor, Malaysia, Mel-e: darussalam@prison.gov.my

Diterbitkan: 20 Januari 2014

diterima: 28 Mac 2014

DOI: <http://dx.doi.org/10.17576/JH-2014-0601-07>





pegawai yang terlibat secara langsung dalam merancang, membangunkan dan menyelia sekolah tersebut. Hasil dari penulisan ini akan membolehkan sekolah dapat berfungsi dengan baik. Juvana yang dijatuhkan hukuman oleh mahkamah akan ditempatkan di sekolah yang bersesuaian. Pegawai Pendidikan yang dibekalkan oleh Kementerian Pelajaran Malaysia berupaya untuk menggalas tanggungjawab. Pegawai Pendidikan yang bertugas dapat melaksanakan proses pengajaran dengan berkesan. Juvana yang di tempat boleh menggunakan sepenuhnya peluang yang telah diberikan. Ibu bapa berasa yakin anak mereka dapat membina masa hadapan yang bermakna. Perkara yang terakhir iaitu sistem persekolahan di institusi penjara akan membantu mengatasi masalah sosial negara.

Kata kunci: Pendidikan Juvana, Jabatan Penjara Malaysia, Program Pemulihan, Pengurusan Pesalah & Pengukuhan akhlak juvana.

ABSTRACT

Prison Department of Malaysia is part of the Criminal Justice System in Malaysia. Among the department's mission is to provide effective rehabilitation program. Rehabilitation for juveniles is education through the school system. There are two types of schools, namely Integrity School and Henry Gurney School. Schools in the prisons was created, but it is less well known. There is even among officials from agencies implementing the Criminal Justice System and the School System do not recognize it. This may be caused by several things are unavoidable. The school is located in a protected area. Most schools are in the prison and hard to reach. School activities are often held more internal. Schools put special education students surrounded by high walls or barbed wire. This matter should be addressed so as to get the attention toward the school's development. Court sentenced to juvenile prison institutions have school. Ministry of Education sent adequate education officer at all times. Education Officer in the supply and it is clear this school function. Parents feel confident that their child has a good chance to go to school with. So the purpose of this paper is to share written information about the school culture in prison. This paper will explain the history of the school, policies, objectives and direction. It also explains the different challenges faced by the ordinary school. Writing this paper is developed based on a policy paper on education and data obtained from the Offender Management Information System. The views and opinions of the Education Officer who served in school. Writing is also the result of observation and writer as one of the officials directly involved in planning, developing and supervising the school. The results of this paper will allow the school to function properly. Juvenile sentenced by the court to be placed in the appropriate school. Education Officer provided by the Ministry of Education is able to undertake the responsibility. Education Officer on duty to implement effective teaching process. Juvenile place can make full use of the opportunity given. Parents feel confident that their child can build a meaningful future. The last thing the school system in the prisons will help overcome the social problems of the country.





Keywords: Juvenile Education, Prison Department of Malaysia, Rehabilitation, Offender Management & Consolidation Juvenile Probation.

PENGENALAN

Dalam konsep kepenjaraan masa kini, penjara merupakan tempat untuk penghuni ditahan, dikawal dan menjalani pelbagai aktiviti pemulihan yang disediakan sehinggalah tarikh mereka dibebaskan. Jabatan Penjara Malaysia bertanggungjawab untuk melaksanakan rawatan dan pemulihan yang berkesan kepada penghuni supaya mereka menjadi ahli keluarga, ahli masyarakat dan warganegara yang berguna seterusnya tidak lagi melakukan jenayah. Perkara ini mengisi sebahagian keperluan Sistem Keadilan Jenayah yang pada amnya terdiri daripada Jabatan Peguam Negara, Polis Diraja Malaysia dan Jabatan Penjara Malaysia. Jabatan Penjara Malaysia adalah institusi terakhir dalam sistem ini (Jabatan Penjara Malaysia, 2010). Program pemulihan melibatkan juvana adalah pendidikan melalui sistem persekolahan (Kementerian Pelajaran Malaysia 2012).

Pendidikan melalui sistem persekolahan merupakan elemen yang penting bagi sesebuah negara dalam usaha menuju ke arah membangunkan masyarakat yang cemerlang daripada segi ekonomi, politik, dan sosial. Sistem persekolahan bukan sahaja berperanan untuk memberi pelajaran kepada masyarakat semata-mata, bahkan merupakan saluran untuk menyampaikan kepada rakyat berkenaan kepentingan nilai-nilai murni dalam masyarakat demi mencapai perpaduan (Mior Khairul Azrin 2010). Mengikut Plato dalam (Mok Soon Seng 2000), Pendidikan ialah suatu proses membentuk individu yang berakhlak mulia. Perkara ini selari dengan objektif Fasa Pengukuhan Sahsiah proses pemulihan penghuni di Jabatan Penjara Malaysia iaitu membina akhlak (Jabatan Penjara Malaysia 2010). Menurut Jean Jacques Rousseau pula, pendidikan merupakan proses yang berterusan dan bermula daripada usia muda lagi. Dalam proses ini, segala kebolehan lahir secara semula jadi dan dengan kehendak sendiri.

Pemulihan penghuni di penjara menggunakan Program Pembangunan Insan dilancarkan pada tahun 2004. Program ini mempunyai empat fasa iaitu Fasa Pembentukan Disiplin, Fasa Pengukuhan Sahsiah, Fasa Kemahiran dan Fasa Pemasarakatan. Fasa Pengukuhan Sahsiah untuk juvana menggunakan Modul Putra. Modul ini berasaskan pendidikan yang hampir sama dengan Kurikulum Bersepadu Sekolah Menengah, Kementerian Pelajaran Malaysia (Jabatan Penjara Malaysia 2010). Secara amnya, program pemulihan di sekolah penjara bertujuan untuk memberikan pendidikan formal serta memperbaiki nilai-nilai murni penghuni supaya mereka dapat diterima semula oleh masyarakat.

Mantan Ketua Pengarah Kementerian Pendidikan Malaysia menyatakan tidak ramai yang tahu di sebalik bangunan yang dikawal rapi dengan dinding batu yang tinggi dan tebal serta disalut dengan kawat berduri, terdapat sebuah sekolah di dalamnya. Sekolah ini dihuni oleh 'pelajar khas' yang terdiri daripada banduan muda iaitu mereka yang dijatuhkan hukuman oleh mahkamah kerana melakukan pelbagai kesalahan jenayah.





Hanya ada beberapa negara di dunia ini yang menyediakan kemudahan pendidikan di dalam penjara, dan negara kita adalah salah satu daripadanya (Alimuddin 2012). Sekolah di dalam penjara ini menyediakan proses pembelajaran kepada juvana yang tidak lagi bersekolah di aliran perdana. Sekolah yang telah dibina tidaklah selengkap seperti sekolah aliran perdana namun sekolah ini dapat memberi peluang kedua dan harapan kepada penghuninya untuk membina masa hadapan.

Masyarakat dan pendidikan adalah bergerak seiring kerana pendidikan adalah acuan membentuk insan. Perkara ini selari dengan program pemulihan di Jabatan Penjara Malaysia iaitu Program Pembangunan Insan. Program pemulihan untuk juvana adalah pendidikan melalui sistem persekolahan. Perkara ini menyokong UNESCO berkaitan dengan 'Pendidikan Untuk Semua' (UNESCO 2000). Timbalan Perdana Menteri juga menyatakan, Malaysia menyokong pendekatan UNESCO berkaitan dengan Pendidikan Untuk Semua (Muhyiddin 2012). Oleh yang demikian, penulisan ini akan menerangkan dan menjelaskan dasar, hala tuju, pelaksanaan dan cabaran pendidikan melalui sistem persekolahan di penjara.

SEJARAH PENDIDIKAN

Institusi pertama untuk juvana telah ditubuhkan pada tahun 1948, iaitu sebuah institusi pemulihan belia, di Penjara Muar Johor dengan nama Sekolah Pemulihan Lanjutan. Sekolah ini telah dipindahkan ke Telok Mas Melaka pada tahun 1950, kemudian telah dirasmikan oleh Pesuruhjaya Tinggi British di Malaya iaitu Sir Henry Gurney pada 19 Julai 1950 dan dinamakan Sekolah Henry Gurney bersempena nama beliau (Muzium Penjara 2014).

Bagi menampung keperluan pendidikan juvana secara menyeluruh, Jabatan Penjara Malaysia telah mewujudkan lima buah Sekolah Henry Gurney iaitu Sekolah Henry Gurney Batu Gajah, Perak untuk menempatkan juvana wanita di Semenanjung Malaysia, Sekolah Henry Gurney Kota Kinabalu, Sabah untuk menempatkan juvana wanita dari Sabah dan Sarawak dan Sekolah Henry Gurney Keningau, Sabah untuk menempatkan juvana lelaki dari Sabah dan Sarawak. Sekolah Henry Gurney Banda Hilir, Melaka untuk menempatkan juvana tegar. Sekolah Henry Gurney Dusun Dato' Murad, Melaka untuk menempatkan juvana yang mengikuti aktiviti pertanian (Muzium Penjara 2014).

Sebanyak tiga buah Sekolah Henry Gurney telah ditutup dan ditukar fungsinya. Sekolah Henry Gurney Banda Hilir ditutup pada Jun 1990 dan menjadi Penjara Banda Hilir. Sekolah Henry Gurney Dusun Dato' Murad ditutup pada April 2003 dan menjadi Penjara Pr Bebas Dusun Dato' Murad. Manakala Sekolah Henry Wanita Batu Gajah di tutup pada Julai 2007 dan kawasan itu menjadi sebahagian Pusat Pemulihan Akhlak Batu Gajah. Juvana wanita di sekolah ini telah dipindahkan ke Sekolah Henry Gurney Telok Mas Melaka. Mereka ditempatkan pada kawasan yang berasingan dengan juvana lelaki (Muzium Penjara 2014).





Pada tahun 2004, seramai 8 orang bekas pelajar Sekolah Menengah Agama Ampangan, Negeri sembilan telah menjalani hukuman di Penjara Kajang. Pentadbiran penjara tersebut telah menggunakan banduan yang mempunyai kelayakan tertentu menjadi tenaga pengajar kepada banduan muda ini. Seterusnya, pentadbiran penjara telah mewujudkan Pusat Kecemerlangan Juvana dan telah menawarkan tempat kepada yang berpotensi melanjutkan pelajaran. Pada tahun 2007, Jabatan Penjara Malaysia telah menempatkan empat orang guru kontrak untuk mengajar di pusat ini dan memulakan perancangan mewujudkan sekolah di dalam penjara (Jabatan Penjara Malaysia 2009).

Pada tahun 2008 pula, dengan kerjasama Kementerian Pendidikan Malaysia, Jabatan Penjara Malaysia telah menyediakan pendidikan secara formal kepada juvana dengan mewujudkan Sekolah Integriti. Sebanyak enam buah Sekolah Integriti secara zon telah diwujudkan, iaitu Zon Utara, Zon Tengah, Zon Selatan, Zon Timur, Zon Sarawak dan Zon Sabah. Semua sekolah ini dibina di dalam kawasan penjara melalui pengubahsuaian bangunan yang sedia ada (Jabatan Penjara Malaysia 2009)

Pada peringkat awal penubuhan sekolah ianya memberi peluang kepada juvana di Sekolah Henry Gurney. Pada tahun 2008 Sekolah Integriti diwujudkan dan lebih ramai juvana berpeluang untuk bersekolah. Pada waktu ini kebanyakan juvana ditempatkan di zon sekolah. Mereka akan diberikan pendidikan melalui Sistem Perbengkilana atau Sistem Persekolahan. Taraf Pegawai Pendidikan pula adalah setanding dengan mereka di sekolah harian biasa. Berdasarkan peluang pendidikan ini jabatan telah berusaha untuk melaksanakan saranan UNESCO iaitu 'Pendidikan Untuk Semua'. Dengan peradaban ini diharapkan ia dapat melaksanakan fungsinya untuk memberi peluang kepada juvana untuk membina masa hadapan.

KEPERLUAN PENDIDIKAN JUVANA

Jabatan Penjara Malaysia telah melaksanakan pemulihan melalui Program Pembangunan Insan bermula tahun 2004. Program pemulihan juvana adalah pendidikan melalui sistem persekolahan dengan kerjasama Kementerian Pelajaran Malaysia pada tahun 2008. Beberapa faktor telah dikenal pasti yang mendorong pendidikan melalui sistem persekolahan.

Taraf Pendidikan Juvana di Institusi Penjara

Statistik tahap pendidikan juvana pada 2 September 2013, menunjukkan bahawa daripada jumlah 2831 orang, 521 orang atau 18.40% bersekolah rendah, 1255 orang atau 44.33% tamat sekolah peringkat menengah rendah (tingkatan tiga), 1002 orang atau 35.39% tamat sekolah di peringkat menengah atas (tingkatan lima) dan 53 orang atau 1.87% tahap pendidikannya melebihi tingkatan lima. Pada umumnya, seramai 1776 orang atau 62.73% bersekolah sehingga menengah rendah (Jabatan Penjara Malaysia 2013). Berdasarkan statistik ini, mereka sangat wajar diberikan peluang untuk meneruskan persekolahan atau diberi peluang kedua untuk bersekolah semula.





Had Umur Juvana di Institusi Penjara

Statistik tahap umur juvana pada 2 September 2013 menunjukkan bahawa daripada jumlah 2831 orang juvana, 161 orang atau 5.69% berumur 17 tahun ke bawah, 611 orang atau 21.58% berumur 17 - 18 tahun ke bawah dan 2059 orang atau 72.73% berumur 19-20 tahun. Pada umumnya, seramai 772 orang atau 27.30% berumur 18 tahun ke bawah (Jabatan Penjara Malaysia, 2013). Dasar Pendidikan Kebangsaan menyatakan Pendidikan Menengah adalah untuk murid yang berumur 12+ tahun hingga 17+ tahun (Kementerian Pelajaran Malaysia 2012). Justeru, mereka sewajarnya diberikan peluang untuk bersekolah semula.

Mematuhi Akta dan Peraturan

Mematuhi Akta Kanak-Kanak 2001

Perkara 2 Akta Kanak-Kanak 2001 menyatakan makna kanak-kanak sebagai seseorang yang di bawah umur lapan belas tahun dan Perkara 65 (1) menyatakan kementerian boleh, melalui pemberitahuan dalam Warta, menubuhkan atau menetapkan sekolah-sekolah diluluskan yang dikehendaki bagi pendidikan, latihan dan penahanan kanak-kanak yang hendak dihantar ke sana menurut Akta ini (Akta Kanak-Kanak. 2001).

Selari dengan Dasar Pendidikan Kebangsaan, mereka yang berumur dalam lingkungan ini wajar menerima pendidikan secara formal. Perkara 5.1.1 menyatakan pendidikan menengah menyediakan program pendidikan yang komprehensif dan berkualiti serta menerapkan nilai murni kepada murid yang berumur 12+ tahun hingga 17+ tahun (Kementerian Pelajaran Malaysia 2012).

Mematuhi Peraturan Sekolah Henry Gurney

Perkara 38 Peraturan Sekolah Henry Gurney menyatakan peruntukan hendaklah dibuat bagi mewujudkan kelas pendidikan untuk kebaikan semua penghuni dan Perkara 39 pula menyatakan suatu perpustakaan hendaklah disediakan dalam tiap-tiap institusi, dan tiap-tiap penghuni hendaklah dibenarkan mempunyai buku perpustakaan tidak lebih dari tiga buah dan bertukar-tukar buku dengan seberapa kerap yang boleh dilaksanakan (Peraturan Sekolah Henry Gurney 1949).

Mematuhi Peraturan-Peraturan Penjara 2000

Perkara 151 (1) Peraturan-Peraturan Penjara 2000 menyatakan di tiap-tiap penjara, program kelas pendidikan hendaklah diatur dan kemudahan yang lengkap seharusnya disediakan mengikut syarat-syarat yang ditentukan oleh Ketua Pengarah. Perkara ini boleh dilaksanakan kepada banduan yang tertentu, pada masa lapangnya, memperbaiki pendidikan mereka melalui kursus koresponden atau pengajian persendirian atau untuk berlatih kraf tangan. Perkara 151(2) pula menyatakan perhatian khas hendaklah diberikan





kepada pendidikan bagi banduan buta huruf dalam masa yang ditentukan oleh Pegawai Yang Bertugas. Manakala Perkara 151(3) menyatakan tiap-tiap banduan yang boleh mendapat manfaat melalui kemudahan pendidikan yang disediakan hendaklah digalakkan untuk berbuat demikian (Peraturan-Peraturan Penjara 2000).

Mematuhi United Nation Standard Minimum (UNSMR)

Perkara 77(1) UNSMR menyatakan pelbagai usaha harus dilakukan bagi membolehkan semua banduan mendapat faedah melanjutkan pelajaran, termasuk pengajaran agama negaranya. Pendidikan buta huruf dan banduan muda hendaklah diwajibkan dan perhatian khas hendaklah dilakukan oleh pihak pentadbiran. Perkara 77(2) menyatakan pendidikan banduan hendaklah disepadukan dengan sistem pendidikan di negara supaya selepas dibebaskan, mereka boleh meneruskan pelajaran mereka tanpa kesukaran (UNSMR. 1977).

DASAR PENDIDIKAN

Di bawah Dasar Pendidikan Kebangsaan, pendidikan untuk banduan muda dan juvana adalah kerjasama antara Kementerian Pelajaran Malaysia dengan Jabatan Penjara Malaysia. Kerjasama ini menyatakan pendidikan di Jabatan Penjara Malaysia diletakkan di Program Pendidikan untuk Banduan Muda Dan Juvana. Dasar itu juga menyatakan bahawa banduan muda akan belajar di Sekolah Integriti dan juvana akan belajar di Sekolah Henry Gurney (Kementerian Pelajaran Malaysia 2012).

Sekolah formal telah diwujudkan di Jabatan Penjara bermula pada tahun 2008. Selaras dengan itu, untuk memastikan pendidikan juvana melalui sistem persekolahan dengan teratur, beberapa dasar pendidikan jabatan telah diwujudkan iaitu nama sekolah, kategori pelajar, umur pelajar, gender pelajar, pengkategorian, kelas pembelajaran, aliran pembelajaran, pelajar, calon peperiksaan dan pusat peperiksaan (Jabatan Penjara Malaysia 2009).

Nama sekolah yang diwujudkan di institusi penjara adalah Sekolah Henry Gurney dan Sekolah Integriti. Sekolah Integriti adalah sekolah untuk menempatkan juvana yang ditahan di bawah Akta Langkah-Langkah Pencegahan Khas Dadah 1985 dan juvana ditahan atau disabitkan selain dari Akta Kanak-Kanak 2000. Sekolah Henry Gurney menempatkan juvana yang disabitkan kesalahan oleh Mahkamah Kanak-Kanak melalui Akta Kanak-Kanak 2001 (Jabatan Penjara Malaysia 2009).

Sasaran pelajar yang terlibat dengan pendidikan melalui sistem persekolahan adalah mereka yang ditempatkan di zon sekolah yang terdiri daripada penghuni di Sekolah Henry Gurney, banduan muda sabitan di penjara dan tahanan muda di Pusat Pemulihan Akhlak. Banduan muda sabitan dari penjara dan tahanan muda dari Pusat Pemulihan Akhlak hendaklah dipindahkan ke institusi penjara yang mempunyai Sekolah





Integriti berdasarkan akta yang berkaitan. Manakala banduan muda reman pula akan ditempatkan di institusi penjara yang mempunyai Sekolah Integriti. Warganegara asing juga dibenarkan untuk mengikuti pendidikan melalui sistem persekolahan (Jabatan Penjara Malaysia 2009).

Umur pelajar yang ditempatkan di Sekolah Henry Gurney dan Sekolah Integriti adalah mereka yang berumur di antara 14 tahun sehingga 21 tahun. Juvana yang telah mendaftar Peperiksaan Menengah Rendah dan peperiksaan Sijil Pelajaran Malaysia, iaitu mereka yang telah melebihi 21 tahun yang berada di Sekolah Integriti, hendaklah mendapatkan kebenaran daripada Bahagian Pengurusan Banduan untuk membolehkan banduan muda dan tahanan muda tersebut ditempatkan di kelas pembelajaran atau blok penempatan juvana sehingga tamat peperiksaan yang dilalui (Jabatan Penjara Malaysia 2009).

Hanya satu gender juvana, sama ada wanita atau lelaki dibenarkan untuk setiap Sekolah Henry Gurney dan Sekolah Integriti. Perkara ini dinyatakan di dalam Peraturan-Peraturan Penjara 2000 Perkara 34(3) iaitu banduan-banduan dalam setiap kategori hendaklah diasingkan dari tempat kerja dan penempatan, jika mampu, dan dibenarkan oleh keadaan (Jabatan Penjara Malaysia 2009). Pengasingan juvana lelaki dan juvana wanita akan diteruskan walaupun menyebabkan sekolah wanita kekurangan pelajar seperti yang berlaku kepada Sekolah Henry Gurney Telok Mas Melaka pada 2 November 2013, di mana bahagian wanita mempunyai 30 orang juvana, manakala bahagian lelaki mempunyai 690 orang juvana (Jabatan Penjara Malaysia 2013). Perkara ini menyebabkan tidak semua juvana lelaki yang berkelayakan mendapat peluang untuk mengikuti pendidikan melalui sistem persekolahan.

Percampuran kategori dibenarkan pada keadaan dan masa tertentu jikalau ia tidak mengganggu keselamatan dan masih dalam kawalan yang baik. Banduan muda sabitan dan banduan muda reman boleh ditempatkan di dalam satu kelas pembelajaran dan menjalani aktiviti kokurikulum secara bersama yang dianjurkan oleh sekolah. Banduan muda sabitan, banduan muda reman, tahanan muda dan penghuni dibenarkan untuk bersama dan di bawah pengawasan untuk mengikuti aktiviti kokurikulum yang dianjurkan oleh Bahagian Pengurusan Banduan. Di Sekolah Henry Gurney Kota Kinabalu, penghuni wanita dari Akta Kanak-Kanak 2001 dibenarkan bersekolah bersama dengan banduanita muda sabitan dan banduanita muda reman. Selepas waktu persekolahan dan apabila kembali ke blok penempatan, mereka akan ditempatkan kembali mengikut kategori (Jabatan Penjara Malaysia 2009).

Kelas Pembelajaran yang di wujudkan adalah lima buah iaitu Kelas 3M (membaca, mengira, menulis), Kelas Pra PMR (Penilaian Menengah Rendah) Kelas PMR, Kelas Pra SPM (Sijil Pelajaran Malaysia) dan Kelas SPM. Seramai 11 orang guru ditempatkan di sekolah iaitu lapan orang guru mata pelajaran, seorang Guru Kaunseling, seorang Guru Agama Islam dan seorang Guru Pemulihan. Kelas 3M atau Kelas Pemulihan dibina bertujuan untuk mengasah kemahiran membaca, menulis dan mengira dalam kalangan





pelajar bagi memastikan tiada pelajar yang buta huruf. Kelas Pra PMR yang merupakan kelas persediaan bagi pelajar yang akan menduduki peperiksaan PMR menggunakan sukatan pelajaran Tingkatan Satu dan Tingkatan Dua. Kelas PMR menempatkan pelajar yang akan menduduki PMR. Kelas Pra SPM yang merupakan kelas persediaan untuk pelajar yang akan mengambil peperiksaan SPM. Warganegara asing hanya dibenarkan untuk mengikuti Kelas 3M dan seterusnya ke Aliran Kemahiran (Jabatan Penjara Malaysia 2009).

Pemilihan aliran sama ada Aliran Akademik atau Aliran Kemahiran ditentukan melalui beberapa peringkat saringan. Semua pelajar akan melalui proses temu bual dengan pihak pentadbir sekolah untuk mendapatkan maklumat latar belakang pendidikan terakhir, tempoh hukuman yang dijatuhkan dan umur. Hasil daripada proses temu bual, pelajar akan menduduki Ujian Diagnostik untuk menentukan sama ada mereka layak ke kelas pemulihan, kelas kemahiran atau kelas akademik (Jabatan Penjara Malaysia 2009).

Selain itu, calon peperiksaan hanya ditawarkan kepada juvana warganegara sahaja. Jabatan Penjara Malaysia tidak bertanggungjawab kepada segala bayaran yuran peperiksaan. Yuran peperiksaan hendaklah dijelaskan oleh keluarga calon. Sekolah penjara hanya menawarkan pelajar untuk menduduki dua jenis peperiksaan iaitu Penilaian Menengah Rendah dan Sijil Pelajaran Malaysia. Pelajar dibenarkan untuk mengulangi peperiksaan atau memperbaiki keputusan sijil yang ada selagi mereka belum mencapai umur berumur 21 tahun. Mereka yang menduduki peperiksaan didaftarkan sebagai calon persendirian bagi mengelakkan stigma masyarakat (Jabatan Penjara Malaysia 2009).

Pusat Peperiksaan mesti berada di dalam kawasan sekolah walaupun jumlah pelajar yang menduduki peperiksaan adalah kecil. Perkara ini dilaksanakan atas faktor keselamatan, terutamanya terdapat calon peperiksaan yang terdiri daripada banduan muda yang dikenakan hukuman Tahanan Limpah Sultan, banduan muda reman, tahanan muda dan juvana yang belum berada dalam Fasa Pemasarakatan. Lembaga Peperiksaan Malaysia juga bertanggungjawab melantik pasukan pengawas peperiksaan yang akan mengendalikan peperiksaan mengikut jadual yang telah ditetapkan (Jabatan Penjara Malaysia 2009).

HALA TUJU PENDIDIKAN

Objektif pendidikan adalah untuk juvana memperbaiki dan mengukuhkan akhlak, membantu menghapus buta huruf melalui aktiviti membaca, mengira dan menulis dalam Bahasa Kebangsaan, menyedia dan memberi peluang memulakan dan meneruskan persekolahan, menimbulkan minat untuk belajar dan meyakinkan pelajar bahawa pelajaran dapat menjamin masa hadapan yang lebih baik (Jabatan Penjara Malaysia 2009).

Hala tuju pendidikan juvana mempunyai kaitan dengan dasar Kementerian Pelajaran Malaysia yang dipersetujui oleh Jabatan Penjara Malaysia yang menyatakan iaitu jabatan ini hendaklah menyediakan kemudahan prasarana dan sistem yang berkesan.





Hala tuju ini juga perlu memenuhi misi jabatan iaitu menyediakan program pemulihan yang berkesan yang mempunyai kaitan dengan sistem persekolahan. Sebanyak enam hala tuju telah dikenal pasti iaitu penekanan kepada disiplin dan akhlak, sekolah satu entity, prasarana yang lengkap, penempatan asrama, tenaga pengajar dan memperkasakan Sekolah Henry Gurney (Jabatan Penjara Malaysia 2009).

Penekanan terhadap disiplin dan akhlak turut dilaksanakan di sekolah penjara kerana juvana yang ditempatkan di institusi penjara mengalami masalah kekurangan disiplin dan keruntuhan akhlak. Program Pembangunan Insan bertujuan antaranya adalah untuk pembinaan disiplin di Fasa Orientasi dan pengukuhan akhlak di Fasa Sahsiyah. Perkara ini juga ditekankan kepada juvana di Sekolah Henry Gurney dan Sekolah Integriti. Walau pun penekanan kepada disiplin dan akhlak sebagai matlamat utama program pemulihan, tetapi sebagai seorang pelajar, mereka juga dikehendaki mendapatkan kecemerlangan semasa aktiviti pembelajaran terutamanya dalam peperiksaan Sijil Pelajaran Malaysia (Jabatan Penjara Malaysia 2009).

Sekolah satu entiti bermaksud sekolah dibangunkan di dalam institusi yang menempatkan keseluruhannya penghuni, banduan muda atau tahanan muda seperti semua Sekolah Henry Gurney Telok Mas dan Sekolah Henry Gurney Keningau. Sekolah Integriti dibina di dalam kawasan penjara atau Pusat Pemulihan Akhlak kecuali Sekolah Integriti Sungai Petani, iaitu Sekolah Integriti Zon Utara di mana sekolah ini berada dalam Penjara Sungai Petani yang menempatkan hanya banduan muda (Jabatan Penjara Malaysia 2009).

Prasarana yang lengkap hendaklah disediakan oleh Jabatan Penjara Malaysia seperti yang dinyatakan dalam Dasar Pendidikan Kebangsaan kerana Sekolah Integriti dibina daripada kemudahan yang sebelumnya itu digunakan sebagai sebuah institusi penjara atau institusi Pusat Pemulihan Akhlak yang mengutamakan keselamatan. Di samping bangunan yang tidak mencukupi untuk diubahsuai, kawasan untuk membina bangunan baru adalah terhad dan tidak strategik serta memerlukan perbelanjaan yang tinggi untuk menyediakannya kerana kerja yang hendak dilakukan melibatkan dalam kawasan keselamatan atau kawasan larangan (Jabatan Penjara Malaysia 2009).

Lokasi penempatan asrama atau blok penempatan pelajar hendaklah terletak berhampiran dengan blok pembelajaran. Perkara ini selari dengan pendekatan yang diwujudkan oleh sekolah yang menyediakan kemudahan asrama untuk pelajaranya. Pendekatan ini dapat membantu guru melaksanakan aktiviti kurikulum dan kokurikulum dengan lebih mudah. Selain itu, ia boleh mengelak semasa sesi persekolahan, mereka dipanggil pelajar dan pada sesi luar persekolahan pula dipanggil juvana yang menimbulkan stigma atau 'double standard' (Jabatan Penjara Malaysia 2009).

Tenaga pengajar yang mengendalikan proses pengajaran di aliran akademik adalah Pegawai Perkhidmatan Pendidikan Gred DG 41 daripada Kementerian Pelajaran Malaysia, manakala tenaga pengajar di aliran kemahiran dikendalikan oleh Pegawai





Pembangunan Perusahaan Gred S17 / 20 yang disediakan oleh Jabatan Pembangunan Kerjaya dari Kementerian Sumber. Kedua-dua gred jawatan untuk proses pengajaran adalah berbeza. Jabatan Penjara Malaysia merancang untuk mendapatkan tenaga pengajar dalam aliran kemahiran daripada Kementerian Pelajaran Malaysia untuk melaksanakan proses pembelajaran dalam aliran kemahiran (Jabatan Penjara Malaysia 2009).

Bukan itu sahaja, memperkasakan Sekolah Henry Gurney adalah suatu perkara yang harus dilaksanakan. Sekolah ini adalah sekolah pertama yang diwujudkan oleh Jabatan Penjara Malaysia. Sekolah ini telah berfungsi dengan baik dalam tempoh masa yang cukup lama. Namun sekolah ini tiga buah sekolah ini telah ditutup dan ditukarkan fungsinya kepada institusi penjara yang lain. Walau bagaimanapun disebabkan oleh jumlah juvana di institusi penjara kian bertambah, Sekolah Integriti pula diwujudkan. Pada waktu yang sama, Jabatan Penjara Malaysia berusaha untuk memperkasakan semula Sekolah Henry Gurney (Jabatan Penjara Malaysia 2009). Beberapa siri penjelasan telah dilakukan kepada pihak yang terlibat mengenai fungsi, kemudahan dan kelebihannya.

PELAKSANAAN PENDIDIKAN JUVANA

Perlaksanaan aktiviti pendidikan di sekolah penjara diselia oleh Sektor Pendidikan di bawah Seksyen Pemulihan dan Rawatan, Bahagian Pengurusan Banduan. Sektor Pendidikan menempatkan empat orang Pegawai Perkhidmatan Pendidikan yang akan berurusan dengan Bahagian Pendidikan Khas Kementerian Pelajaran Malaysia (Jabatan Penjara Malaysia 2009).

Pentadbir sekolah dipanggil Penyelia dan dibantu oleh tiga orang Penolong Penyelia iaitu Penolong Penyelia Akademik, Penolong Penyelia Kokurikulum dan Penolong Penyelia Hal Ehwal Murid. Jawatan Penyelia bukanlah satu jawatan hakiki, walau bagaimanapun pertukaran Penyelia tidak berlaku kecuali berlakunya kekosongan kerana pertukaran. Tugas Penyelia adalah untuk mentadbir Unit Akademik serta melaksanakan proses pengajaran dan pembelajaran yang memberi fokus kepada pembentukan disiplin, pembinaan akhlak dan juga mendapatkan kecemerlangan dalam bidang pelajaran (Jabatan Penjara Malaysia 2009).

Jumlah Pegawai Perkhidmatan Pendidikan yang ditempatkan pada setiap sekolah adalah 11 orang, iaitu lapan orang guru untuk melaksanakan tugas pengajaran dan pembelajaran dan dibantu oleh tiga orang guru khusus iaitu Guru Kaunseling, Guru Pemulihan dan Guru Agama (Jabatan Penjara Malaysia 2009). Ketua Sektor Pendidikan dan Penyelia dikehendaki untuk sentiasa memastikan jawatan ini dipenuhi kerana setiap guru ditugaskan terhadap mata pelajaran tertentu. Sekiranya jawatan itu tidak dipenuhi, maka sukar bagi mata pelajaran tersebut untuk diajar. Oleh sebab setiap guru mempunyai pengkhususan masing-masing, sistem persekolahan di penjara perlulah merancang aktiviti guru dengan teratur untuk mengelak gangguan proses pembelajaran dan pengajaran.





Jumlah Kelas yang diwujudkan adalah lima buah iaitu Kelas 3M, Kelas Pra PMR, Kelas PMR, Kelas Pra SPM dan Kelas SPM. Semua sekolah masih mengekalkan Kelas 3M kerana terdapat sebilangan kecil juvana yang masih belum menguasai kemahiran membaca, menulis dan mengira. Kesedaran pelajar terhadap kepentingan memiliki Sijil Pelajaran Malaysia telah mendorong pihak pentadbir sekolah menawarkan lebih Kelas Pra SPM dan Kelas SPM dan tidak menawarkan Kelas Pra PMR dan Kelas PMR. Perubahan positif ini telah mendorong kepada pengwujudkan dua buah Kelas Pra SPM dan dua buah Kelas SPM. Pelajar yang bercadang untuk mengikuti Aliran Kemahiran hanya mengikuti pendidikan melalui sistem persekolahan pada Kelas 3M sahaja.

Aliran diwujudkan di sekolah penjara adalah aliran akademik dan aliran kemahiran. Bagi pelajar aliran akademik yang berada di Kelas Para PMR dan Kelas PMR, mereka akan mempelajari sebanyak lapan mata pelajaran. Manakala untuk pelajar Kelas Pra SPM dan Kelas SPM, mereka pula akan mengambil enam mata pelajaran teras dan mata pelajaran elektif bergantung kepada guru mata pelajaran yang ada. Juvana aliran kemahiran akan mengikuti aktiviti perbengkelan bergantung kepada prasarana dan tenaga pengajar yang ada seperti Kelas Jahitan, Kelas Gunting Rambut dan Kelas Komputer.

Selain itu, pendaftaran pelajar bukan hanya berlaku pada awal tahun sesi persekolahan sahaja sebaliknya proses itu berjalan pada sepanjang tahun. Perkara ini disesuaikan dengan kemasukan juvana yang juga berlaku sepanjang tahun. Pada minggu ketiga setiap bulan, pihak pengurusan sekolah akan mengenal pasti pelajar yang layak naik ke fasa sahsiah untuk menjalani proses penempatan pelajar kelas pembelajaran. Pelajar yang telah melalui proses ini akan didaftarkan dalam buku rekod pendaftaran sekolah pada setiap awal bulan. Sesi berhenti sekolah juga berlaku sepanjang tahun bersesuaian dengan tamat tempoh hukuman yang dilalui.

Calon peperiksaan adalah pelajar warganegara sahaja. Mereka didaftarkan sebagai calon persendirian dan mendapat pengecualian daripada membayar yuran peperiksaan. Berkaitan jenis peperiksaan, terdapat juga calon yang mengambil peperiksaan Sijil Tinggi Pelajaran Malaysia. Hal ini kerana semasa mereka ditahan, mereka merupakan pelajar menengah tinggi. Proses persediaan untuk menghadapi peperiksaan akan dibantu oleh guru di sekolah berkenaan. Bagi calon yang dibebaskan sebelum tarikh peperiksaan, mereka akan mengambil peperiksaan tersebut sebagai calon menumpang di sekolah berhampiran dengan alamat tempat tinggal. Perkara ini mendapat kerjasama yang baik daripada Jabatan Pelajaran Negeri.

Aktiviti Kokurikulum diwajibkan kepada semua pelajar Sekolah Henry Gurney dan Sekolah Integriti. Setiap pelajar mesti melibatkan diri dalam satu badan beruniform untuk membantu mereka mengekalkan tahap disiplin yang tinggi. Kebanyakan aktiviti kokurikulum dilaksanakan di dalam kawasan sekolah atau kawasan penjara. Jabatan Penjara Malaysia membenarkan aktiviti kokurikulum antara sekolah. Walau bagaimanapun aktiviti tersebut masih terhad dalam kawasan penjara, kecuali melibatkan





pelajar Sekolah Henry Gurney atau pelajar kategori pra bebas Sekolah Integriti. Aktiviti yang boleh menjejaskan keselamatan pelajar, penghuni, kakitangan, orang awam dan institusi adalah tidak dibenarkan.

PENCAPAIAN DALAM PEPERIKSAAN

Pelajar yang ditempatkan di sekolah penjara akan melalui proses pembentukan jati diri bagi melahirkan disiplin yang tinggi dan sahsiah yang baik untuk menjadikan mereka seorang pelajar yang boleh diterima oleh keluarga dan masyarakat. Walaupun begitu, mereka juga digalakkan untuk mendapat keputusan yang baik dalam peperiksaan terutamanya peperiksaan Sijil Pelajaran Malaysia. Pentadbir sekolah terutamanya Sekolah Henry Gurney meletakkan keyakinan yang tinggi bahawa perkara ini boleh dicapai berdasarkan sistem yang dibentuk, persiapan yang telah dilakukan, persekitaran yang mesra sekolah yang diwujudkan dan kesedaran kepentingan ilmu yang ditunjukkan oleh pelajar.

Pada tahun 2012, seramai 170 orang pelajar menduduki peperiksaan Sijil Pelajaran Malaysia di seluruh sekolah penjara. Keputusan peperiksaan berdasarkan mata pelajaran iaitu Sains, Geografi Ekonomi Asas, Pendidikan Seni Visual dan Bahasa China mencapai 100%. Mata pelajaran lain iaitu Tasawwur Islam 99.14%, Perdagangan 99.12%, Bahasa Malaysia 96.67%, Pendidikan Islam 95.49%, Sejarah 94.70%, Pendidikan Moral 88.24%, Matematik 83.44% dan Al-Quran dan Sunnah 80%. Gred Purata sekolah di Jabatan Penjara Malaysia adalah 5.99 (Jabatan Penjara Malaysia 2013).

Sebagai perbandingan, berikut adalah keputusan peperiksaan Sijil Pelajaran Malaysia untuk Sekolah Henry Gurney Telok Mas Melaka pada tahun 2012 yang melibatkan 76 orang calon. Keputusan peperiksaan berdasarkan mata pelajaran iaitu, Pendidikan Islam, Sejarah, Matematik, Sains, Pendidikan Moral, Perdagangan, Tasawwur Islam dan Ekonomi Asas mencapai 100%. Seterusnya Mata Pelajaran Bahasa Malaysia 98.7%, Bahasa Inggeris 90.8% dan Al-Quran & Sunah 80%. Gred Purata sekolah adalah 3.93. Berdasarkan perkara ini, Gred Purata Sekolah Henry Gurney jauh lebih baik dari Gred Purata Kebangsaan (Jabatan Penjara Malaysia 2013). Perkara ini jelas menunjukkan sistem persekolahan di Sekolah Henry Gurney lebih berupaya untuk melahirkan pelajar yang cemerlang.

Keputusan peperiksaan berdasarkan kepada individu, seorang pelajar memperoleh 8A dan tiga orang pelajar mendapat 7A di mana semua mereka adalah pelajar dari Sekolah Henry Gurney Telok Mas, Melaka. Seramai 91 orang pelajar atau pun 60.26% mendapat sekurang-kurangnya satu A. Pelajar yang ramai memperoleh A juga kebanyakannya adalah dari Sekolah Henry Gurney Telok Mas juga (Jabatan Penjara Malaysia 2013).





CABARAN PENDIDIKAN

Program Pembangunan Insan mula diperkenalkan pada tahun 2004 dan pemulihan melalui pendidikan menggunakan sistem persekolahan secara formal dengan kerjasama Kementerian Pelajaran Malaysia mula dilaksanakan pada tahun 2008. Dalam tempoh yang begitu singkat, beberapa cabaran telah dikenal pasti walaupun perlu memenuhi misi jabatan iaitu menyediakan program pemulihan yang berkesan di samping mendapat keputusan yang baik di dalam peperiksaan kebangsaan.

Kemudahan prasarana untuk proses pengajaran dan pembelajaran perlu mengikuti piawaian Kementerian Pelajaran Malaysia. Pembinaan sekolah di dalam penjara yang mempunyai struktur bangunan yang berbeza menyebabkan fungsi sebuah sekolah menjadi agak sukar. Fungsi sebagai sebuah sekolah tidak dapat dilaksanakan berikutan prasarana yang kurang lengkap. Terdapat juga prasarana yang berada di kawasan utama penjara dan perlu dikongsi bersama dengan penghuni yang lain. Terdapat juga sekolah yang mana bangunan pembelajarannya terasing dengan blok penempatan seperti Sekolah Integriti Marang.

Limitasi bahan pembelajaran begitu ketara terutamanya di perpustakaan sekolah kerana kekurangan buku rujukan persendirian. Kementerian Pendidikan Malaysia membekalkan buku teks kepada pelajar sekolah penjara sebagai bahan rujukan asas. Manakala Jabatan Penjara Malaysia berusaha menyediakan bahan rujukan tambahan kepada pelajar, namun jumlah ini tidak mencukupi untuk menampung keperluan bahan bacaan tambahan. Berbeza dengan pelajar di sekolah aliran perdana, bahan rujukan tambahan akan disediakan oleh ahli keluarga pelajar dan juga boleh dicapai melalui 'atas talian'. Pelajar di sekolah penjara kebanyakan datang dari keluarga yang berpendapatan rendah. Oleh yang demikian, bahan rujukan tambahan di sekolah penjara adalah terhad seterusnya menyukarkan persediaan pelajaran untuk menghadapi peperiksaan.

Proses pembelajaran dan pengajaran sering terganggu disebabkan pendaftaran kemasukan dan penamatan sekolah pelajar berlaku setiap bulan. Kebanyakan pelajar baru ini telah lama meninggalkan alam persekolahan, mempunyai pelbagai masalah dan kurang pengetahuan sedia ada. Tumpuan kepada pengajaran dan pembelajaran juga terganggu apabila pelajar reman kerap tidak hadir kerana menghadiri sesi perbicaraan di mahkamah. Setiap kali menghadiri sesi mahkamah mereka perlu menjalani proses pengasingan untuk tempoh tertentu sebelum dibenarkan mengikuti sesi persekolahan. Aktiviti kepenjaraan yang dijalankan seperti ujian urin dan pemeriksaan keselamatan yang dilaksanakan di blok penempatan pelajar boleh juga mengganggu proses pembelajaran terutamanya ketika hampir waktu peperiksaan.

Pengajaran dan pembelajaran mata pelajaran yang tidak ditawarkan menjadi masalah kepada pelajar terutamanya pelajar yang semasa ditahan telah mendaftar untuk menduduki peperiksaan. Perkara ini menyebabkan pelajar sukar untuk mendapatkan bantuan guru kerana sistem sekolah dalam penjara hanya menawarkan mata pelajaran





teras dan elektif tertentu sahaja. Sistem ini berlaku kerana jumlah guru yang sedia ada hanya mampu untuk mengajar lima buah kelas. Setiap orang guru mempunyai mata pelajaran yang tetap untuk diajar. Oleh itu, pelajar yang mendaftar mata pelajaran berbeza ada ketikanya menggugurkan mata pelajaran tersebut atau selalunya memperoleh keputusan peperiksaan yang kurang memuaskan.

Selain itu, adalah sukar untuk mengawal emosi pelajar di sekolah penjara supaya sentiasa dalam keadaan tenang, damai dan tenteram. Hal ini demikian kerana pelajar yang ditempatkan di sekolah penjara mempunyai pelbagai masalah diri dan keluarga yang perlu diselesaikan. Masalah biasanya berkaitan dengan penyesuaian kehidupan di penjara, hukuman yang dihadapi, proses perbicaraan di mahkamah dan hubungan dengan keluarga. Pelajar yang menghadapi hukuman berat berserta dengan sebatan rotan sering mengganggu proses pengajaran dan pembelajaran. Sebagai contoh, ada pelajar yang perlu menghadiri sesi mahkamah yang kerap dan agak panjang yang melibatkan hukuman mandatori iaitu gantung sampai mati.

Percampuran tahap pendidikan pelajar berlaku dalam pendidikan di sekolah penjara kerana kemasukan berlaku sepanjang tahun di mana tahap pendidikan dan umur mereka adalah berbeza. Sebagai contoh, pada 2 September 2013, seramai 2831 juvana ditempatkan di institusi penjara. Daripada jumlah tersebut, seramai 521 orang berpendidikan sekolah rendah, 1255 orang berpendidikan sehingga tingkatan Tiga, 1002 orang berpendidikan sehingga Tingkatan Lima dan 53 orang berpendidikan tinggi. Daripada 1255 orang juvana yang berpendidikan tingkatan tiga, seramai 115 orang berumur di bawah 17 tahun, 315 orang berumur 17- 18 tahun dan 825 orang berumur 19 – 21 tahun (Jabatan Penjara Malaysia 2013). Oleh sebab itu, sekolah dalam penjara tidak meletakkan penempatan kelas berdasarkan umur tetapi kepada pencapaian ujian diagnostik.

Persatuan Ibu Bapa dan Guru belum lagi ditubuhkan di sekolah penjara. Hal ini mungkin disebabkan sekolah berada dalam kawasan larangan atau keperluan persatuan ini belum lagi dikenal pasti. Walau bagaimanapun persatuan ini penting kerana menjadi medan mengadakan forum untuk berbincang dan bertukar-tukar fikiran serta berunding dalam suasana muhibah bagi menyelesaikan masalah yang dihadapi pihak sekolah agar dapat meningkatkan kecemerlangan pendidikan. Persatuan ini boleh meringankan dan melicinkan program pendidikan di sekolah dalam bidang kurikulum, kokurikulum, sahsiah dan budaya. Selain itu, adalah diharapkan persatuan ini berupaya meningkatkan kemudahan prasarana bagi menyediakan persekitaran pembelajaran yang kondusif.

PENUTUP

Jabatan Penjara Malaysia menyediakan program pemulihan yang berkesan kepada penghuninya. Pemulihan kepada juvana adalah pendidikan melalui sistem persekolahan. Sekolah di penjara telah diwujudkan sekian lama dan peradabannya mengikut cabaran dan





keperluan. Peradaban sekolah berlaku secara fizikal, mekanikal dan sistem pengurusan. Perkara ini dilakukan kerana sekolah ini perlu bersedia untuk menerima kepelbagaian juvana yang akan ditempatkan di situ.

Juvana yang ditempatkan di sekolah penjara mempunyai masalah disiplin dan akhlak. Sekolah penjara berobjektif untuk menyelesaikan masalah itu di samping mencari kecemerlangan. Objektif tersebut boleh dicapai kerana pendekatan pengajaran dan pembelajaran dilakukan dalam suasana yang cukup terkawal. Juvana ditempatkan di sekolah ini tidak diberi pilihan kecuali wajib mengikuti kelas pendidikan. Lanjutan dari ini, ibarat 'alah biasa tegal biasa'. dan pelajar akan terus belajar.

Bagi memastikan sistem persekolahan berjalan dengan lancar, jabatan telah mewujudkan dasar pendidikannya. Dasar ini untuk memastikan sekolah akan berjalan dengan lancar dan terkawal. Dasar ini juga membantu juvana berpeluang untuk melanjutkan pelajaran sehingga berumur 21 tahun. Melalui dasar ini mereka masih boleh bersekolah walaupun tidak pernah melakukannya sebelum ini.

Bersekolah di institusi penjara mempunyai berbagai halangan. Dengan keprihatinan guru dan sifat empatinya halangan itu akan bertukar menjadi cabaran. Bagi memastikan juvana yang bersekolah memperoleh kecemerlangan beberapa hala tuju telah ditetapkan. Dengan hala tuju tersebut pelajar di sekolah penjara akan mendapat keyakinan dan motivasi untuk membina masa hadapan. Mereka juga boleh berjaya dan setanding dengan pelajar sekolah harian biasa.

Sekolah di institusi penjara mempunyai potensi untuk menjadikan 'sekolah harapan' kepada pelajar menghadapi masalah sosial. Pelajar di sekolah penjara juga boleh berjaya dalam bidang sukan, kokurikulum dan kurikulum. Pada tahun 2011, seorang pelajar Sekolah Henry Gurney Telok Mas memperoleh keputusan cemerlang dalam Sijil Pelajaran Malaysia dengan memperoleh 9A. Pelajar ini juga adalah seorang hafiz dan sekarang melanjutkan pelajaran di USNIZA (Jabatan Penjara Malaysia 2013). Pada tahun 2012 seorang pelajar Sekolah Henry Gurney Telok Mas memperoleh 8A dalam peperiksaan Sijil Pelajaran Malaysia (Jabatan Penjara Malaysia 2013).

Adalah menjadi harapan bahawa pendidikan juvana di institusi penjara terutamanya Sekolah Henry Gurney merupakan pilihan terakhir dalam menangani masalah sosial pelajar yang berada di aliran perdana. Sekolah ini juga berperanan sebagai institusi yang terbaik dalam menangani masalah sosial dalam kalangan pelajar khususnya yang terlibat dalam aktiviti jenayah.





RUJUKAN

- Akta Kanak-Kanak 2011 (Akta 611)* :Pesuruhjaya Penyemak Undang-Undang. Putrajaya Percetakan Nasional Malaysia Berhad.
- Alimuddin Mohd Dom. 2012. Pendidikan Di Sebalik Tirai Besi. *Utusan On line* (30 Januari 2012.) http://www.utusan.com.my/utusan/info.asp?y=2012&dt=0130&pub=Utusan_Malaysia&sec=Rencana&pg=re_06.htm.
- <http://www.unesco.org/new/en/education/themes/leading-the-international-agenda/efareport/the-report-and-efa/>.
- Jabatan Penjara Malaysia. 2009. *Pekeliling Sektor Pendidikan Jabatan Penjara Malaysia: Dasar, Objektif dan Halatujju Pendidikan di Jabatan Penjara Malaysia*.
- Jabatan Penjara Malaysia. 2010. *Sinar Keinsafan*. Kajang: Penerbitan Jabatan Penjara Malaysia.
- Jabatan Penjara Malaysia. 2013. *Sistem Maklumat Pengurusan Pesalah: Statistik Tahap Pendidikan Penghuni*. Kajang. JPM.
- Jabatan Penjara Malaysia. 2013. *Sistem Maklumat Pengurusan Pesalah: Keputusan Peperiksaan Sekolah Penjara Tahun Tahun 2011 dan 2012*. Kajang. JPM.
- Kementerian Pelajaran Malaysia. 2012. *Dasar Pendidikan Kebangsaan*, Ed. ke-3. Shah Alam: Giga Wise Network.
- Mior Khairul Azrin Mior Jamaluddin. 2011. Sistem Pendidikan Di Malaysia: Dasar, Cabaran, dan Pelaksanaan ke Arah Perpaduan Nasional. *Jurnal Sosiohumanika* 4(1) : 33-47.
- Mok Song Sang. 2000. *Pendidikan di Malaysia Ed. ke-7*. Kuala Lumpur: Penerbit Fajar Bakti Sdn. Bhd.
- Muhyiddin Yassin. 2013. Malaysia to Help Unesco Members Achieve EFA Agenda. NST. 6 November 2013. <http://www.nst.com.my/latest/malaysia-to-help-unesco-members-achieve-efa-agenda-dpm-1.393790>.
- Muzium Penjara. 2014. *Jabatan Penjara Malaysia, Sejarah Penubuhan Sekolah Henry Gurney*. Melaka: Penerbitan Muzium Penjara Malaysia.
- Peraturan Sekolah Henry Gurney. 1949 (L.N. 616 of 1949) Kuala Lumpur: Percetakan Nasional Malaysia Berhad.





Jurnal Hadhari 6 (1) (2014) 87-104

Peraturan-Peraturan Penjara. 2000. Akta Penjara 1995: *Warta Kerajaan*. Jil 44(18):
Nombor Makluman 2382.

UNESCO. 2000. World Education Forum. *Education for All: Global Monitoring Report*.
Dakar Senegal.

UNSMR. 1977. Standard Minimum Rules For The Treatment Of Prisoners. [http://
www.unodc.org/pdf/criminal_justice/UN_Standard_Minimum_Rules_for_the_
Treatment_of_Prisoners.pdf](http://www.unodc.org/pdf/criminal_justice/UN_Standard_Minimum_Rules_for_the_Treatment_of_Prisoners.pdf).